


PROFESIONALISME DALAM KAUNSELING

DAN CABARAN MASA KINI DI MALAYSIA



**EDITOR
MOHD TAJUDIN NINGGAL
ROHANY NASIR**



DBP

**PROFESIONALISME
DALAM KAUNSELING
DAN CABARAN
MASA KINI DI MALAYSIA**

**EDITOR
MOHD TAJUDIN NINGGAL
ROHANY NASIR**

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2014

KK 361-0211-1769-4101

Cetakan Pertama 2014
© Panel Penulis 2014

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohd. Tajudin Ninggal
PROFESIONALISME DALAM KAUNSELING DAN CABARAN MASA
KINI DI MALAYSIA / Editor Mohd Tajudin Haji Ninggal, Rohany Nasir.
Mengandungi Indeks
ISBN 978-983-46-1769-1
1. Counseling--Malaysia. 2. Counselors--Professional ethics--Malaysia.
I. Rohany Nasir.
361.0609595

Dicetak oleh
Maskha Sdn. Bhd.,
No. 17 & 19, Kawasan J,
Jalan 24/56, Ampang/Hulu Kelang,
54200 Kuala Lumpur.

KANDUNGAN



<i>Senarai Penulis</i>	ix
<i>Prakata</i>	xi
<i>Penghargaan</i>	xv
<i>Pendahuluan</i>	xix
BAHAGIAN I KONSEP DAN PROFESIONALISME KAUNSELING	1
Bab 1 Profesionalisme Kaunseling di Malaysia: Realiti, Cabaran dan Masa Depan <i>Mohd Tajudin Ninggal</i>	3
Bab 2 Trend dalam Kaunseling Kerjaya <i>Rohany Nasir</i>	33
Bab 3 Kaunseling dari Perspektif Islam <i>Abdul Halim Othman</i>	57

KANDUNGAN

Bab 4	Mengislamisasikan Bimbingan dan Kaunseling <i>Abdul Halim Othman</i>	80
Bab 5	Etika dalam Kaunseling <i>Zakaria Mohamad</i>	132
BAHAGIAN II TEORI DAN AMALAN KAUNSELING		145
Bab 6	Kaunseling Kerjaya: Teori dan Aplikasi <i>Rohany Nasir</i>	147
Bab 7	Aplikasi Teori dalam Kaunseling <i>Zakaria Mohamad</i>	166
Bab 8	Perhubungan Strategik dalam Kaunseling <i>Mohd Tajudin Ninggal</i>	186
Bab 9	Penerimaan Tanpa Syarat, Empati, Kongruen dan Jujur <i>Mohd Tajudin Ninggal</i>	204
Bab 10	Kaunseling dan Kesihatan Mental: Senang Tapi Tidak Tenteram <i>See Ching Mey</i>	217
BAHAGIAN III KAUNSELING WANITA, KELUARGA DAN PELBAGAI BUDAYA		261
Bab 11	Kerjaya, Keluarga dan Kesejahteraan Wanita: Implikasi Kaunseling <i>Rohany Nasir</i>	263

KANDUNGAN

Bab 12	Kaunseling ke Arah Daya Tahan Keluarga <i>Rohany Nasir</i>	292
Bab 13	Pembentukan Indikator Kesejahteraan Keluarga di Malaysia <i>Noraini Mohd Nor</i>	319
Bab 14	Kaunseling Keluarga Pelbagai Budaya <i>Rosnah Ismail</i>	362
Bab 15	Interaksi Pelbagai Budaya dan Pendekatan dari Perspektif kaunseling <i>Rosnah Ismail</i>	384
	<i>Indeks</i>	399

- Simon, J. B., Murphy, J. J. dan Smith, S. M., 2005. "Understanding and Fostering Family Resilience" dlm. *The Family Journal* 13, hlm. 427-436, 2005.
- Simon, M. A., Gunia, B., Martin, E. J., Foucar, C. E., Kundu, T. dan Ragas, D. M., 2013. "Path Toward Economic Resilience for Family Caregivers: Mitigating Household Deprivation and the Health Care Talent Shortage at the Same Time" dlm. *The Gerontologist* (2013) doi: 10.1093/geront/gnt033, hlm. 1-13, 2013.
- Sue, D. W. dan Sue, D., 2003. *Counseling the Culturally Diverse Theory and Practice*. Edisi Keempat. Kanada: John Wiley & Sons.
- Toland, J. dan Carrigan, D., 2011. "Educational Psychology and Resilience: New Concept, New Ppportunities" dlm. *School Psychology International* 32, hlm. 95-106, 2011.
- Urban, N., 2012. "The Concept of Psychological Resiliency or Danger Flexibility in the Military" dlm. *AARMS* 11:1, hlm. 125-133, 2012.
- Yongmin Sun, 2001. "Family Environment and Adolescents Well-Being Before and After Parents' Marital Disruption: A Longitudinal Analysis" dlm. *Journal of Marriage and Family* 63:3, hlm. 697-713, Ogos 2001.
- Walsh, F., 2002. "A Family Resilience Framework: Innovative Practice Applications" dlm. *Family Relations* 51:2, hlm. 130-137, April 2002.
- World Resources Institute, 2008. "Roots of Resilience: Creating Enterprise, Fighting Poverty and Fostering Resilience" dlm. <http://www.wri.org/publication/worldresources>. Diakses pada 19 Julai 2013.
- Wooten, P., 1996. "Humor an Antidote for Stress" dlm. *Holistic Nursing Practice* 10:2, hlm. 49-55, 1996.

BAB 13

PEMBENTUKAN INDIKATOR KESEJAHTERAAN KELUARGA DI MALAYSIA¹

Noraini Mohd. Noor
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

PENGENALAN¹

Dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan seperti Dasar Pembangunan Baru (*New Development Policy*, 1991-2000), Dasar Wawasan Negara (*National Vision Policy*, 2001-2010) dan Program Transformasi Kerajaan (*Government Transformation Programme*, 2010-2020) semuanya bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dengan meningkatkan taraf hidup rakyat. Walau bagaimanapun, proses pembangunan sosial dan ekonomi yang pesat ini telah menambahkan tuntutan ke atas keluarga melalui perubahan yang berlaku dalam institusi kekeluargaan itu sendiri. Hal ini dapat dilihat apabila terhakisnya komuniti asas dan pemantauan sosial tradisional di tempat keluarga itu menerap. Akibatnya, keluarga menghadapi tekanan dan cabaran seperti yang digambarkan melalui keruntuhan

¹Bab ini berdasarkan kajian yang ditaja oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Malaysia.

ikatan keluarga secara meluas dan kehilangan sistem sokongan, peningkatan dalam masalah sosial seperti hubungan luar nikah dalam kalangan remaja, pembuangan bayi, penderaan dan pengabaian kanak-kanak, keganasan dalam rumah tangga dan sebagainya.

Bagi mengimbangi proses pembangunan sosial dan ekonomi yang pesat ini, institusi keluarga dan hubungan kekeluargaan perlu dimantapkan. Usaha ini amat penting kerana keluarga merupakan unit asas sosial yang menyediakan dan membekalkan sumber modal insan untuk pembangunan negara. Keluarga merupakan tempat anak-anak dibesarkan untuk menjadi ahli masyarakat yang berguna; sekiranya institusi keluarga bermasalah maka parahlah masyarakat tersebut. Memandangkan kepentingan keluarga dan kesejahteraan keluarga bagi masa depan negara, penulisan bab ini bertujuan untuk membina dan mengukur kesejahteraan keluarga masyarakat majmuk Malaysia. Usaha ini amat diperlukan kerana maklumat tentang keadaan kesejahteraan keluarga di negara ini amatlah kurang.

KESEJAHTERAAN KELUARGA

“Kesejahteraan keluarga” ialah satu konsep yang luas, yang merangkumi pelbagai aspek keadaan hidup seseorang individu atau sebuah keluarga. Ia melibatkan pembangunan diri individu dan keluarga yang seimbang dari segi fizikal, kerohanian, ekonomi, sosial dan mental. Ia juga menekankan akses kepada keperluan asas dan kemudahan seperti tempat tinggal yang memadai, sekolah yang berkualiti, penjagaan kesihatan yang mencukupi, dan persekitaran yang selamat. Hubungan antara ahli keluarga seperti cara keluarga berkomunikasi, menyelesaikan masalah, serta bertindak dan mendidik anak-anak juga termasuk dalam konsep ini.

Disebabkan konsep ini adalah luas, kompleks, dan pelbagai dimensi, maka adalah sukar untuk mendapatkan satu definisi yang boleh dipersetujui ramai. Masalah ini seterusnya menyebabkan kesukaran dalam mengukur “kesejahteraan keluarga”, apatah lagi dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian terdahulu dan selari dengan pemahaman tentang keadaan keluarga dan masyarakat di Malaysia, kesejahteraan keluarga dianggap sebagai satu konsep yang pelbagai dimensi, yang menggabungkan hubungan kekeluargaan dengan situasi ekonomi keluarga, kesihatan dan keselamatan, hubungan komuniti, perumahan dan persekitaran serta budaya dan agama/kerohanian.

PENGUKURAN KESEJAHTERAAN KELUARGA

Pengukuran kesejahteraan keluarga dianggap penting kerana secara tidak langsung ia boleh mengukur kesan pelaksanaan dasar pembangunan sosial dan ekonomi negara ke atas keluarga, dan setakat mana dasar tersebut (melalui program yang dilaksanakan) berjaya ataupun tidak. Setakat ini, tidak ada satu pengukuran yang boleh menggambarkan keadaan kesejahteraan keluarga di Malaysia, dan seterusnya memantau keadaan keluarga dari semasa ke semasa.

Walaupun bagaimanapun, pada masa kini terdapat dua indeks yang sudah dibina, iaitu Indeks Kualiti Hidup Malaysia dan Indeks Belia Malaysia. Namun demikian, kedua-duanya tidak menekankan kesejahteraan keluarga. Indeks Kualiti Hidup Malaysia (2004) mengukur kualiti hidup di Malaysia, manakala Indeks Belia Malaysia (2008) pula dibina untuk memantau kualiti dan kesejahteraan hidup belia, melalui indikator masing-masing.

Dengan yang demikian, kajian dijalankan untuk mengenal pasti indikator yang dapat menggambarkan keadaan keluarga, dan seterusnya memantau keadaan tersebut dari semasa ke semasa. Kajian yang dilakukan juga berkait dengan penilaian program kekeluargaan yang dilaksanakan. Program yang berkesan diteruskan manakala program yang lain dihentikan ataupun diperbaiki. Bagi keluarga yang dikenal pasti bermasalah, sokongan dan bantuan yang bersesuaian perlu disalurkan supaya kesejahteraan keluarga dapat dinikmati oleh semua.

Indikator yang dapat meramalkan kesejahteraan keluarga boleh disarankan sebagai asas atau input bagi merangka dan melaksanakan program pembangunan keluarga, dan seterusnya membantu dalam menyumbang kepada dasar keluarga negara yang telah diluluskan pada 17 Disember 2007. Indikator yang penting ini boleh digunakan untuk memantapkan lagi program pembangunan keluarga supaya dasar keluarga negara mampu bergerak seiring dengan pembangunan ekonomi dan bidang yang lain dalam negara.

Kajian yang dilakukan juga boleh dijadikan sebagai kajian penanda aras (*benchmark*) tentang kesejahteraan keluarga di Malaysia dan perbandingan boleh dilaksanakan dari semasa ke semasa. Secara tidak langsung, maklumat yang diperolehi daripada kajian juga boleh digunakan untuk membina satu pangkalan data (*data base*) mengenai kesejahteraan keluarga di Malaysia, yang perlu diperkemas dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian.

KAJIAN TENTANG INDIKATOR KESEJAHTERAAN KELUARGA

Objektif kajian tentang indikator kesejahteraan keluarga mempunyai tujuan seperti yang berikut:

1. Membina satu set indikator bagi mengukur kesejahteraan keluarga Malaysia.
2. Menghasilkan satu Indeks Kesejahteraan Keluarga berdasarkan set indikator yang telah dibina.

Berdasarkan kajian terdahulu, Berger-Schmitt dan Jankowitsch (1999) telah memberikan gambaran yang sangat baik tentang laporan perkembangan indikator sosial dan laporan sosial kesejahteraan antarabangsa di negara Eropah sehingga tahun 1999. Mereka menghuraikan sejarah pergerakan indikator sosial, dan meninjau indikator sosial yang digunakan oleh pertubuhan utama di negara tersebut. Laporan sosial tentang kesejahteraan di negara tersebut, walau bagaimanapun, adalah sangat berbeza dari segi kualiti, ketepatan, keteraturan dan kumpulan sasaran yang dikaji. Berger-Schmitt dan Jankowitsch membezakan empat pendekatan, iaitu kajian taraf hidup, kajian kualiti hidup, pendekatan keadaan hidup, dan kajian standard hidup.

Pendekatan pertama, iaitu kajian taraf hidup, biasanya dijalankan oleh negara-negara Nordik, dan ia bergantung kepada konsep sumber kesejahteraan, yang memfokuskan ketersediaan sumber-sumber yang menentukan keadaan hidup masyarakat. Ia diukur dengan indikator yang objektif atau deskriptif, bergantung kepada beberapa aspek kesejahteraan seperti pendidikan, pekerjaan dan keadaan bekerja, sumber dan penggunaan ekonomi, perumahan dan persekitaran tempat tinggal, hubungan dan penyertaan sosial, masa lapang, kesihatan, keselamatan peribadi, mobiliti sosial, ketidaksetaraan dalam keadaan hidup secara material, dan ketidakadilan jantina. Tujuan utama kajian adalah untuk memaklumkan dasar sosial dan kegunaan awam.

Pendekatan kedua, iaitu kajian kualiti hidup adalah berdasarkan konsep kesejahteraan yang mempertimbangkan kepuasan keperluan sebagai komponen kesejahteraan yang asasi. Kajian yang menggunakan pendekatan ini telah dijalankan di Jerman, Belanda, Austria dan Switzerland. Di sini, indikator subjektif (penilaian aspek tertentu situasi hidup dan penilaian kesejahteraan keseluruhan) diambil kira berserta dengan keadaan hidup secara objektif. Contohnya, di samping indikator objektif bagi topik yang ditekankan, indikator subjektif seperti kepuasan dan kualiti kehidupan kerja, perumahan, dan lain-lain juga ditambah. Maklumat tentang topik indikator kesejahteraan subjektif dikumpulkan melalui tinjauan.

Pendekatan ketiga, iaitu pendekatan keadaan hidup adalah yang paling kerap digunakan di Eropah. Melalui pendekatan ini, laporan sosial distrukturkan oleh domain kehidupan dan komponen kesejahteraan, serta didasarkan pada data rasmi, tetapi boleh juga merangkumi data tinjauan. Data objektif sering digunakan. Walaupun pendekatan ini mungkin menyerupai pendekatan pertama, perbezaan utamanya adalah kurang kerangka dasar yang memandu pengumpulan data dan struktur laporan. Sebagai contoh, di United Kingdom, laporan sosial yang paling terkemuka, "Aliran Sosial" menyediakan laporan tahunan tentang situasi sosial di negara itu yang meliputi 13 domain: penduduk, isi rumah dan keluarga, pendidikan dan latihan, pasaran tenaga kerja, pendapatan dan kekayaan, perbelanjaan, kesihatan, perlindungan sosial, jenayah dan keadilan, perumahan persekitaran, pengangkutan dan gaya hidup. Walaupun laporan tersebut adalah lebih deskriptif dari segi analisis, namun ia amat menyeluruh. Indikator kebanyakannya berdasarkan data rasmi dan hanya sedikit sahaja yang subjektif.

Jenis laporan yang keempat biasanya dilakukan oleh negara Eropah Timur yang berada dalam peralihan. Tumpuan kajian pula adalah pada standard hidup asas yang diukur dengan indikator objektif, terutamanya aspek kewangan. Berger-Schmitt dan Jankowitsch seterusnya membahagikan laporan sosial kesejahteraan untuk 10 negara Eropah kepada dua, iaitu pendekatan keadaan hidup dan penyelidikan kualiti hidup. Di negara ini, aspek kesejahteraan yang sama diukur oleh kedua-dua pendekatan - perbezaannya ialah dalam penyelidikan kualiti hidup, lebih banyak indikator subjektif digunakan. Kesemua 10 negara mengandungi indikator untuk bidang pekerjaan dan keadaan bekerja, serta perumahan. Sembilan laporan mengandungi indikator tentang faedah dan keselamatan sosial. Lapan laporan mengandungi ukuran penduduk dan indikator mengenai penggunaan pendapatan, kesihatan, serta masa lapang, budaya dan komunikasi.

Kebanyakan indikator tersebut adalah bersifat objektif. Namun, indikator subjektif semakin banyak digunakan dalam kajian terkini bagi mengukur bagaimana perasaan seseorang tentang kehidupan mereka.² Langkah ini perlu disebabkan indikator objektif tidak semestinya dapat mencerminkan kualiti hidup subjektif seseorang. Dengan yang demikian, indikator objektif memberikan maklumat tentang keadaan kehidupan asas seseorang, manakala indikator subjektif menekankan

² Lihat kajian oleh Cummins *et al.* (2003) tentang pembangunan Indeks Kesejahteraan Kesatuan Australia; pembangunan Indeks Kesejahteraan Gallup-Healthways (2009) bagi mengukur kesejahteraan warga Amerika; Zubrick *et al.* (2000) mengenai apa yang merupakan indikator kefungsi sosial dan keluarga.

pengalaman seseorang terhadap keadaan tersebut, justeru memberikan gambaran kesejahteraan yang lebih menyeluruh. Hal ini juga selaras dengan hasil kajian yang menunjukkan bahawa sementara Gross Domestic Product (GDP) di negara Barat semakin meningkat dalam beberapa dekad kebelakangan ini, tidak terdapat peningkatan yang jelas dalam ukuran kesejahteraan subjektif (Eckersley, 2000). Oleh itu, ukuran objektif sahaja tidak mungkin mencukupi, terutamanya apabila negara telah melalui banyak kemajuan material.

Dalam beberapa negara Asia yang mengkaji domain dan indikator kesejahteraan (misalnya, Symth *et al.*, 2009; Haq, 2009; Yiengprugsawan *et al.*, 2009), kajian adalah berbentuk pengesahan indeks kesejahteraan diri (PWI) yang merupakan ukuran subjektif. Hal ini mungkin tidak dapat mencerminkan kesejahteraan rakyat secukupnya kerana komponen objektif tidak diambil kira. Sebaliknya, beberapa kajian yang telah menggunakan kedua-dua komponen objektif dan subjektif tidak komprehensif seperti yang dijalankan di Barat.

Di Malaysia, tidak ada pengukuran yang boleh menggambarkan keadaan kesejahteraan keluarga, dan seterusnya untuk memantau keadaan tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat dua indeks, iaitu Indeks Kualiti Hidup Malaysia dan Indeks Belia Malaysia, tetapi kedua-duanya tidak menekankan kesejahteraan keluarga. Indeks Kualiti Hidup Malaysia (2004) mengukur kualiti hidup di Malaysia. Indeks ini mengukur perubahan kualiti hidup untuk tempoh tahun 1990 hingga 2002 dan ia mengandungi 11 domain kehidupan dengan 42 indikator. Domain ini ialah pengangkutan, komunikasi, kesihatan, pendidikan, perumahan, persekitaran, kehidupan keluarga, penyertaan sosial, keselamatan awam, budaya dan masa lapang. Pemilihan indikator untuk domain tersebut adalah berdasarkan

kepentingan, iaitu bagaimana ia mencerminkan aspek kehidupan tertentu, dan ketersediaan data. Sementara domain yang dirangkumi adalah menyeluruh, penggunaan indikator objektif semata-mata merupakan suatu kekurangan. Kualiti hidup terikat kepada persepsi makna seseorang yang boleh dilihat sebagai "... kategori fenomena yang meliputi tanggapan emosional seseorang, kepuasan domain, dan penilaian global kepuasan hidup" (Diener, Suh, Lucas dan Smith, 1999:277), yang bersifat subjektif. Dengan demikian, ketiadaan indikator subjektif dalam Indeks Kualiti Hidup Malaysia boleh dipersoalkan.

Indeks Belia Malaysia (Malaysian Youth Index, 2008) yang dibina untuk memantau kualiti dan kesejahteraan hidup belia di Malaysia menggunakan lapan domain, iaitu pembangunan sendiri, hubungan sosial, identiti, potensi diri, masa lapang, kesihatan, penembusan media, dan tingkah laku devian - dengan indikator masing-masing. Berbeza daripada Indeks Kualiti Hidup Malaysia, Indeks Belia Malaysia menggunakan beberapa indikator subjektif selain indikator objektif. Antara tahun 2006 dan 2008, walaupun keseluruhan skor indeks menunjukkan peningkatan (iaitu 70.0 peratus daripada 68.7 peratus), dalam beberapa domain terdapat penurunan skor yang menggambarkan prestasi yang menurun. Dalam domain hubungan sosial, dapat dilihat yang hubungan dengan ibu bapa menunjukkan penurunan skor kepada 72.8 peratus berbanding dengan 73.5 peratus dalam tahun 2006. Skor dua indikator baharu dalam domain ini menunjukkan belia Malaysia tidak mempunyai hubungan yang baik dengan masyarakat berdasarkan skor 54.4 peratus jika dibandingkan hubungan mereka dengan rakan sebaya yang menunjukkan skor 72.9 peratus. Dapatan ini menarik kerana aspek-aspek tersebut adalah penting dalam kesejahteraan keluarga dan secara langsung, menyokong pelaksanaan kajian

yang dilakukan. Walau bagaimanapun, kajian Indeks Belia Malaysia tidak menekankan aspek hubungan kekeluargaan secara mendalam dan hanya mencakupi umur belia sahaja (yang berumur 15 hingga 40 tahun).

Berdasarkan sorotan kajian yang lepas, kajian oleh penulis ini mengenal pasti enam domain kesejahteraan keluarga, iaitu hubungan kekeluargaan, situasi ekonomi, kesihatan dan keselamatan, hubungan komuniti, budaya dan agama/kerohanian, dan perumahan dan persekitaran, dengan indikator masing-masing.

PENENTUAN INDIKATOR KESEJAHTERAAN KELUARGA DI MALAYSIA

Kajian dijalankan ke atas 2808 buah isi rumah (seorang ibu atau bapa dan seorang anak dari setiap isi rumah) dengan menggunakan pensampelan rawak berstrata. Sampel ini kemudiannya diperincikan dengan mengambil kira taburan etnik (Bumiputera - Melayu dan kaum peribumi yang lain, Cina dan India) dan lokaliti (bandar dan luar bandar) mengikut nisbah dalam negara. Pengumpulan data dijalankan oleh sekumpulan penemu ramah yang telah dilatih sebelum dibenarkan menemui ahli keluarga. Sesi temu bual secara bersemuka digunakan.

Sampel Kajian

Dalam kiraan akhir, terdapat seramai 1484 bapa dan 1324 ibu (umur min bapa = 50.13 tahun, $SD = 7.85$, dan ibu = 46.54 tahun, $SD = 7.57$). Bilangan anak-anak pula adalah sebanyak 1354 lelaki dan 1451 perempuan, dengan umur min = 13.31 tahun ($SD = 3.53$). Majoriti ibu bapa (93.1 peratus) adalah berkahwin, manakala selebihnya adalah bercerai (ibu/bapa

tinggal) dan balu. Sebaliknya, majoriti anak-anak (94.7 peratus) adalah bujang dan masih menuntut.

Taburan isi rumah adalah sebanyak 62.0 peratus Bumiputera, 28.3 peratus Cina dan 9.8 peratus India. Majoriti terdiri daripada keluarga asas (81.7 peratus) manakala selebihnya ialah keluarga luas (14.2 peratus). Bilangan individu di dalam isi rumah adalah antara dua hingga 21 orang, dengan min 5.48 ($SD = 1.96$). Dari segi lokaliti, 52.8 peratus isi rumah menetap di bandar dan selebihnya di luar bandar. Walau bagaimanapun, lebih banyak kaum Bumiputera yang menetap di luar bandar berbanding dengan kaum Cina dan India. Keluarga di bandar bekerja dalam bidang profesional teknikal dan berkaitan (25.3 peratus), penjualan, perkhidmatan dan berkaitan (24.2 peratus) serta pentadbiran dan pengurusan (20.3 peratus), manakala majoriti keluarga di luar bandar bekerja dalam bidang pertanian, perikanan dan berkaitan (26.5 peratus).

Dari segi pendapatan bulanan, 65.6 peratus ibu bapa melaporkan pendapatan isi rumah di bawah RM3000 manakala hanya 14.2 peratus isi rumah sahaja yang melaporkan pendapatan bulanan yang melebihi RM5000 sebulan. Walau bagaimanapun, taburan pendapatan isi rumah mengikut kumpulan etnik menunjukkan lebih ramai kaum Bumiputera yang berpendapatan kurang daripada RM1000 sebulan (28.5 peratus), berbanding dengan kaum Cina (17.3 peratus) dan kaum India (21.5 peratus). Sebaliknya, peratus kaum Cina yang berpendapatan lebih dari RM4000 sebulan (9.9 peratus) lebih tinggi daripada kaum India (8.4 peratus) dan Bumiputera (6.4 peratus). Mereka juga mencatat peratus yang lebih tinggi dalam pendapatan bulanan lebih daripada RM10 001 berbanding dengan kaum India dan Bumiputera. Pendapatan keluarga yang tinggal di bandar jauh lebih baik daripada mereka yang tinggal di luar bandar.

Pengukuran

Jadual 13.1 menunjukkan domain dan indikator yang dipilih berdasarkan kajian lepas dan selepas diperhalusi melalui kajian rintis dan perbincangan kumpulan fokus. Dalam kajian ini, penulis menggunakan kedua-dua kaedah kualitatif dan kuantitatif. Melalui kaedah kualitatif, perbincangan kumpulan fokus dijalankan manakala kajian lapangan melalui soal selidik digunakan melalui kaedah kuantitatif.

Jadual 13.1 Domain dan indikator kesejahteraan keluarga.

Domain	Indikator	Konsep dan Pengukuran
1. Hubungan Kekeluargaan	Gaya keibubapaan <i>Autoritarian</i> <i>Autoritatif</i> <i>Permisif</i> <i>Tidak Terlibat</i>	Konsep: Cara ibu bapa mendidik anak-anak (Baumrind, 1991). Pengukuran: Diukur melalui skor skala 10 - item yang dibina; 3 item mengukur gaya <i>Autoritarian</i> , 2 gaya <i>Autoritatif</i> , 4 gaya <i>Permisif</i> dan 1 gaya <i>Tidak Terlibat</i> .
	Penglibatan ibu bapa	Konsep: Aspek kemahiran ibu bapa - mengambil tahu dan mengawasi anak-anak mereka (Zubrick <i>et al.</i> , 2000). Pengukuran: Diukur melalui skor skala 4 - item yang dibina.
	Resiliensi/Daya tahan keluarga	Konsep: Kemampuan keluarga untuk memupuk kekuatan yang akan membolehkan mereka untuk menghadapi cabaran hidup (National Network for Family Resiliency, 1995). Pengukuran: Diukur melalui skor skala 10 - item yang dibina.

sambungan **Jadual 13.1**

Domain	Indikator	Konsep dan Pengukuran
	Cara keluarga berfungsi	Konsep: Mmerangkumi cara keluarga berkomunikasi, berhubung dan mengekalkan hubungan antara satu sama lain, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah (Silburn <i>et al.</i> , 2006). Pengukuran: Diukur melalui skor skala 7-item yang dibina.
	Masa bersama-sama keluarga	Konsep: Masa yang ibu bapa ada untuk diri mereka sendiri dan untuk diluahkan bersama-sama ahli keluarga (Zubrick <i>et al.</i> , 2000). Pengukuran: Diukur melalui skor skala 4 - item yang dibina.
	Penjagaan anak	Konsep: Masa yang ibu bapa ada untuk diri mereka sendiri dan untuk diluahkan bersama-sama ahli keluarga (Zubrick <i>et al.</i> , 2000). Pengukuran: Diukur melalui skor pada item "Sejauh manakah anda menghadapi masalah dengan penjagaan anak-anak semasa bekerja?"
	Imbangan kerja dan keluarga	Konsep: Masa yang ibu bapa ada untuk diri mereka sendiri dan untuk diluahkan bersama-sama ahli keluarga (Zubrick <i>et al.</i> , 2000). Pengukuran: Diukur melalui skor pada item "Sejauh manakah anda mampu mengimbangi tuntutan kerja dan tuntutan keluarga?"

sambungan Jadual 13.1

Domain	Indikator	Konsep dan Pengukuran
	Keluarga dan internet/ media sosial <i>Penggunaan Pengaruh</i>	Konsep: Internet atau ruang sosial mudah alih yang direka untuk memudahkan komunikasi, kerjasama dan perkongsian kandungan maklumat merentasi rangkaian kenalan (Kietzmann <i>et al.</i> , 2011). Pengukuran: Diukur dengan 1 item dan pengaruh melalui skor skala 3 - item yang dibina.
	Kepuasan kekeluargaan keseluruhan	Pengukuran: Diukur dengan skor pada 4 item subjektif, iaitu "Pada keseluruhannya, sejauh manakah anda berpuas hati dengan...?" (a) Hubungan suami/isteri. (b) Hubungan kekeluargaan. (c) Cara keluarga berfungsi. (d) Pencapaian keluarga.
2. Situasi Ekonomi	Tahap pendidikan tertinggi	Pengukuran: Diukur melalui tahap pendidikan tertinggi yang dicapai oleh ibu atau bapa.
Konsep: Kemampuan keluarga untuk menyediakan keperluan asas dan keperluan tambahan lain kepada keluarga supaya keluarga berada dalam keadaan yang selesa, selamat dan memuaskan (Zubrick <i>et al.</i> , 2000).		

sambungan Jadual 13.1

Domain	Indikator	Konsep dan Pengukuran
	Pekerjaan	Pengukuran: Diukur melalui 5 item - adakah anda bekerja, dan bagi yang bekerja, kategori pekerjaan, jenis pekerjaan, status pekerjaan dan bilangan jam bekerja sehari.
	Pendapatan individu dan keluarga	Pengukuran: Diukur melalui pendapatan bulanan individu dan keluarga
	Jaminan ekonomi <i>Penabungan Beban hutang</i>	Pengukuran: Diukur melalui skor pada item, "Sejauh manakah keluarga anda menabung untuk masa depan?" dan "Sejauh manakah keluarga anda mengalami beban hutang?"
	Kepuasan ekonomi keseluruhan	Pengukuran: Diukur dengan skor pada 2 item subjektif, iaitu "Pada keseluruhannya, sejauh manakah anda berpuas hati dengan...?" (a) Keadaan ekonomi keluarga. (b) Taraf hidup keluarga.
3. Kesihatan dan Keselamatan	Gaya hidup sihat	Pengukuran: Diukur melalui skor pada 5 - item yang dibina.
Konsep Kesihatan: Merujuk kepada kesejahteraan fizikal, mental dan sosial, bukan semata-mata ketiadaan penyakit (WHO, 2011).		

sambungan Jadual 13.1

Domain	Indikator	Konsep dan Pengukuran
Konsep Keselamatan: Rasa dilindungi daripada kegagalan, pecah rumah, kesilapan, kemalangan, atau kemudaratan (Kojima, 2005).	Kesihatan fizikal	Pengukuran: Diukur melalui skor satu item tentang ketiadaan penyakit kronik.
	Stres	Pengukuran: Diukur melalui skor 5 - item yang diambil daripada GHQ (Golderg, 1980).
	Keselamatan di dalam rumah	Pengukuran: Diukur melalui skor 2 - item yang dibina.
	Kepuasan kesihatan dan keselamatan keseluruhan	Pengukuran: Diukur dengan skor pada 2 item subjektif, iaitu "Pada keseluruhannya, sejauh manakah anda berpuas hati dengan...?" (a) Kesihatan keluarga. (b) Keselamatan keluarga.
4. Hubungan Komuniti Konsep: Sekumpulan orang yang berkongsi wilayah yang sama, satu set sumber yang sama, budaya yang sama, sering berinteraksi antara satu sama lain, dan menganggap diri mereka sebahagian daripada kumpulan sosial tersebut (Didier, 1987).	Penglibatan dalam komuniti	Pengukuran: Diukur melalui skor 3 - item yang dibina.

sambungan Jadual 13.1

Domain	Indikator	Konsep dan Pengukuran
	Kepuasan komuniti secara keseluruhan	Pengukuran: Diukur dengan skor pada item subjektif, iaitu "Pada keseluruhannya, sejauh manakah anda berpuas hati dengan hubungan komuniti anda?"
5. Budaya dan Agama/ Kerohanian Konsep: Cara satu kumpulan berfikir, berkata dan bertindak - adat resam, idea, kebiasaan, tradisi, nilai, agama dan bahasa yang dikongsi bersama, yang membantu mewujudkan satu standard bagi orang-orang untuk tinggal bersama. (Rijamampianina, 1996).	Kepentingan agama	Pengukuran: Diukur melalui skor pada item kepentingan agama dalam kehidupan keluarga.
	Nilai-nilai murni	Pengukuran: Diukur dengan cara meminta responden memilih lima nilai yang terpenting dalam kehidupan keluarga mereka.
	Kepuasan dengan amalan kerohanian secara keseluruhan	Pengukuran: Diukur dengan skor pada item subjektif, iaitu "Pada keseluruhannya, sejauh manakah anda berpuas hati dengan amalan kerohanian keluarga anda?"

sambungan Jadual 13.1

Domain	Indikator	Konsep dan Pengukuran
6. Perumahan dan Persekitaran	Bilangan isi rumah	
	Bilangan bilik tidur	
	Kepuasan terhadap perumahan dan persekitaran secara keseluruhan	Pengukuran: Diukur dengan skor pada item subjektif "Pada keseluruhannya, sejauh manakah anda berpuas hati dengan kemudahan asas dalam lokaliti perumahan anda?"
Kesejahteraan Keluarga secara Keseluruhan	Kepuasan keluarga secara keseluruhan	Pengukuran: Diukur dengan skor pada item subjektif, iaitu "Pada keseluruhannya, sejauh manakah keluarga anda sejahtera/bahagia?"
Konsep: Perumahan dan persekitaran merujuk kepada tempat tinggal keluarga yang mencukupi dan mempunyai kemudahan asas (Disney, 2006).	kebahagiaan keluarga secara keseluruhan	
Konsep: Kesejahteraan subjektif merujuk kepada kategori fenomena yang luas, termasuk tindak balas emosi, kepuasan domain, dan pertimbangan global kepuasan hidup seseorang.		

ANALISIS MENGIKUT DOMAIN

Domain Kekeluargaan

1. Gaya Keibubapaan

Berdasarkan analisis, didapati kebanyakan ibu bapa lebih menggunakan gaya autoritatif (57.1 peratus) berbanding dengan gaya autoritarian (33.8 peratus), gaya permisif (7.9 peratus) dan gaya tidak terlibat (1.2 peratus) dalam mendidik anak-anak mereka. Kebanyakan ibu bapa bersetuju dengan gaya keibubapaan autoritatif (70.0 hingga 89.4 peratus) berbanding dengan yang bersetuju dengan gaya autoritarian (antara 67.8 hingga 78.0 peratus), gaya permisif (antara 30.5 hingga 48.5 peratus) dan gaya tidak terlibat (11.8 peratus).

2. Penglibatan Ibu Bapa dalam Kehidupan Anak-anak

Hasil kajian menunjukkan ibu bapa di Malaysia mempunyai tahap penglibatan yang tinggi dalam kehidupan anak-anak dengan menyatakan bahawa mereka tahu akan aktiviti anak-anak mereka (83.7 peratus), sedia membantu jika diperlukan (94.0 peratus), boleh berbincang bersama-sama (90.5 peratus), dan mengenali kawan-kawan mereka (75.1 peratus). Anak-anak juga bersetuju bahawa ibu bapa mereka banyak terlibat dalam kehidupan mereka (76.5 hingga 90.9 peratus).

3. Resiliensi Keluarga

Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan keluarga mempunyai daya tahan atau resiliensi yang tinggi, iaitu antara 71.8 hingga 93.6 peratus bersetuju bahawa keluarga mereka mampu bersatu dalam menghadapi dan mengatasi cabaran keluarga.

4. Cara Keluarga Berfungsi

Didapati lebih kurang 80 peratus daripada keluarga bersetuju bahawa keluarga mereka mampu berfungsi sebagai sebuah keluarga, dengan peratusan antara 78.4 hingga 86.4 peratus.

5. Penjagaan Anak

Dari segi penjagaan anak, hanya 10.3 peratus keluarga mempunyai pembantu rumah. Penulis mendapati ibu bapa menghadapi masalah penjagaan anak semasa bekerja, iaitu sebanyak 37.6 peratus mengalami sedikit masalah, 24.3 peratus bermasalah dan 12.1 peratus banyak bermasalah. Daripada bilangan yang didapati menghadapi masalah penjagaan anak, tiga masalah yang paling kerap disebut ialah kos penjagaan anak yang tinggi, tiada tempat penjagaan anak yang berdekatan dan tiada tempat penjagaan anak yang bersesuaian. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang mempunyai pembantu rumah, masalah penjagaan anak adalah kurang.

6. Imbangan Kerja dan Keluarga

Secara keseluruhan, 59.5 peratus ibu bapa didapati menghadapi masalah dalam mengimbangi tuntutan kerjaya dan tuntutan keluarga. Lebih ramai ibu bapa yang menghadapi masalah dalam mengimbangi tuntutan kerjaya dan keluarga (50.5 peratus), berbanding dengan yang melaporkan kurang masalah (12.3 peratus). Tiga cabaran utama yang dihadapi oleh ibu bapa yang bermasalah ini ialah masalah kewangan (35.8 peratus), terlalu banyak tuntutan yang perlu dibuat dalam masa yang terhad (29.9 peratus), dan terlalu banyak tanggungjawab yang perlu dipikul (28.5 peratus).

7. Penggunaan dan Pengaruh Internet


Secara keseluruhannya, 61.1 peratus keluarga menggunakan internet atau media sosial. Anak-anak (78.7 peratus) didapati lebih banyak menggunakannya berbanding dengan ibu bapa (43.6 peratus). Penulis juga mendapati bahawa ibu bapa (52.6 peratus) lebih bersetuju bahawa internet mengurangkan komunikasi antara ahli keluarga berbanding dengan anak-anak (46.4 peratus).

8. Kepuasan terhadap Hubungan Kekeluargaan secara Keseluruhan

Kebanyakan keluarga berpuas hati dengan hubungan kekeluargaan mereka. Antara 88.7 hingga 90.0 peratus keluarga berpuas hati dengan hubungan mereka sesama ahli keluarga yang lain. Malah, sebanyak 86.6 peratus berpuas hati dengan cara keluarga mereka berfungsi dan 82.3 peratus berpuas hati dengan pencapaian ahli keluarga mereka.

9. Indikator bagi Kepuasan Hubungan Kekeluargaan

Kesemua indikator domain kekeluargaan menunjukkan hubungan dengan kepuasan keseluruhan dalam domain tersebut, kecuali gaya keibubapaan permisif. Walau bagaimanapun, analisis regresi mendapati hanya resiliensi, masa bersama-sama keluarga, cara keluarga berfungsi, imbangan kerja dan keluarga, penglibatan ibu bapa, gaya keibubapaan autoritarian, dan pengaruh Internet merupakan indikator yang terpenting untuk meramalkan kepuasan keseluruhan hubungan kekeluargaan (lihat Rajah 13.1).



Rajah 13.1 Model indikator kepuasan hubungan kekeluargaan secara keseluruhan.

Domain Ekonomi

1. Menabung

Secara keseluruhan, sebanyak 55.8 peratus ibu bapa menyatakan mereka menabung. Daripada jumlah tersebut, 50.5 peratus melaporkan mereka banyak menabung, 16.1 peratus ibu bapa dapat menabung dengan jumlah yang sedikit dan 3.6 peratus langsung tidak dapat menabung.

2. Beban Hutang

Kajian mendapati sebanyak 33.5 peratus ibu bapa menyatakan bahawa mereka mengalami beban hutang. Peratus ibu bapa yang melaporkan beban hutang yang banyak adalah sebanyak 13.9 peratus manakala mereka yang melaporkan beban yang sedikit adalah sebanyak 47.1 peratus.

3. Kepuasan Situasi Ekonomi secara Keseluruhan

Secara keseluruhan, penulis mendapati ahli keluarga berpuas hati dengan taraf hidup (77.3 peratus) dan tahap ekonomi mereka (75.4 peratus).

4. Indikator bagi Kepuasan Situasi Ekonomi

Analisis regresi menunjukkan dua indikator domain ekonomi, iaitu menabung dan ketiadaan beban hutang, yang dapat meramalkan kepuasan keluarga dengan situasi ekonomi secara keseluruhan (lihat Rajah 13.2).

Domain Kesihatan dan Keselamatan

1. Gaya Hidup Sihat

Didapati bahawa sebanyak 60.7 peratus isi rumah melaporkan mereka kerap kali dapat memberikan hidangan harian yang seimbang kepada keluarga mereka. Di samping itu, sebanyak 38.0 peratus menyatakan bahawa ahli keluarga mereka melakukan senaman, 54.3 peratus isi rumah menyatakan mereka tidak merokok, 94.8 peratus tidak menyalahgunakan dadah dan 77.3 peratus tidak mengambil minuman keras.

2. Kesihatan Fizikal


Kajian yang dilakukan menunjukkan sebanyak 81.1 peratus daripada keluarga berpendapat bahawa ahli keluarga mereka tidak mengalami penyakit kronik.

3. Keselamatan di dalam Rumah

Dari aspek keselamatan, sebanyak 65.1 peratus tahu apa yang perlu dibuat jika kecemasan berlaku dan 84.2 peratus mengatakannya mereka sentiasa berasa selamat berada di dalam rumah.

4. Stres


Dari segi stres, hanya 7.3 peratus keluarga yang melaporkan bahawa mereka tidak dapat tidur kerana risau, 7.7 peratus berasa tertekan, 6.6 peratus berasa dukacita, 5.6 peratus mengalami masalah hilang keyakinan diri lebih daripada kebiasaan, manakala 21 peratus tidak dapat menikmati aktiviti harian seperti biasa. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa tahap stres keluarga di Malaysia adalah tidak membimbangkan.



Rajah 13.2 Model indikator kepuasan situasi ekonomi secara keseluruhan.

5. Indikator bagi Kepuasan Kesihatan dan Keselamatan

Keempat-empat indikator domain kesihatan dan keselamatan tersebut dapat meramalkan kepuasan kesihatan dan keselamatan keluarga secara keseluruhan (lihat Rajah 13.3).



Rajah 13.3 Model indikator kepuasan kesihatan dan keselamatan secara keseluruhan.

Domain Hubungan Komuniti

1. Penglibatan Keluarga dalam Komuniti


Kajian oleh penulis mendapati tahap penglibatan keluarga dalam komuniti adalah tinggi. Kebanyakan mereka bersetuju bahawa mereka mempunyai perhubungan yang baik dengan jiran (84.5 peratus), mereka tahu siapa yang boleh dihubungi sekiranya memerlukan bantuan (80.8 peratus), dan mereka aktif dalam aktiviti kejiranan (78.9 peratus).

2. Kepuasan dengan Hubungan Komuniti secara Keseluruhan

Secara keseluruhannya, sebanyak 82.7 peratus keluarga menyatakan mereka berpuas hati dengan hubungan mereka dalam komuniti.

3. Indikator bagi Kepuasan Hubungan Komuniti

Penglibatan dalam komuniti dapat meramalkan kepuasan hubungan komuniti secara keseluruhan (lihat Rajah 13.4).



Rajah 13.4 Model indikator kepuasan hubungan komuniti secara keseluruhan.

Domain Budaya dan Agama/Kerohanian

1. Kepentingan Agama

Kajian oleh penulis mendapati 87.5 peratus daripada ahli keluarga menganggap agama memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan seharian keluarga mereka.

2. Nilai Murni


Kajian oleh penulis menunjukkan bahawa lima nilai yang paling utama ialah kasih sayang (69.6 peratus), taat kepada suruhan agama (64.9 peratus), hormat-menghormati (62.1 peratus), kejujuran (54.2 peratus) dan amanah (44.9 peratus).

3. Kepuasan dengan Amalan Kerohanian Keluarga secara Keseluruhan

Secara keseluruhannya, sebanyak 82.8 peratus daripada ahli keluarga mengatakan mereka sangat berpuas hati dengan aspek amalan kerohanian mereka.

4. Indikator bagi Kepuasan Kerohanian

Kepentingan agama didapati meramalkan kepuasan kerohanian secara keseluruhan (lihat Rajah 13.5).



Rajah 13.5 Model indikator kepuasan amalan kerohanian keluarga secara keseluruhan.

Domain Perumahan dan Persekitaran

1. Bilangan Bilik Tidur di dalam Rumah

Bilangan bilik tidur yang dilaporkan oleh keluarga adalah antara kosong hingga sembilan, dengan kebanyakan mereka memiliki tiga bilik tidur di dalam rumah.

2. Bilangan Individu di dalam Rumah


Bilangan individu di dalam rumah adalah antara dua hingga 21 orang.

3. Kepuasan dengan Perumahan dan Persekitaran secara Keseluruhan

Secara keseluruhan, ahli keluarga melaporkan mereka berpuas hati dengan perumahan dan persekitaran, dengan peratusan sebanyak 75.9 peratus.

4. Indikator bagi Kepuasan Perumahan

Kedua-dua indikator tersebut dapat meramalkan kepuasan perumahan secara keseluruhan (Rajah 13.6).




Rajah 13.6 Model indikator kepuasan perumahan dan persekitaran secara keseluruhan.

Indikator Domain yang Signifikan bagi Kesejahteraan Keluarga secara Keseluruhan

Kajian oleh penulis menunjukkan lapan indikator utama yang dapat meramalkan kesejahteraan keluarga secara keseluruhan, iaitu resiliensi, menabung, keselamatan, masa bersama, gaya hidup sihat, imbalan kerja dan keluarga, beban hutang, dan kepentingan agama. Dapat dilihat juga bahawa indikator penglibatan dalam kehidupan anak, stres, kesihatan fizikal, penglibatan dalam komuniti dan pengaruh internet tidak lagi signifikan dalam analisis yang lebih terperinci ini. Model ini signifikan, dan ia menyumbang 39.8 peratus dalam varians kesejahteraan keluarga secara keseluruhan.

Seterusnya, berdasarkan lapan indikator utama tersebut, analisis regresi hierarki menunjukkan enam indikator pertama sahaja yang paling signifikan dalam meramalkan kesejahteraan keluarga secara keseluruhan, dan indikator ini membentuk 39 peratus varians dalam kesejahteraan keluarga secara keseluruhan (lihat Rajah 13.7).



Rajah 13.7 Model indikator kesejahteraan keluarga secara keseluruhan

INDIKATOR KEPUASAN SETIAP DOMAIN DENGAN KESEJAHTERAAN KELUARGA SECARA KESELURUHAN

Kajian oleh penulis mendapati kesemua enam indikator kepuasan domain dapat meramalkan kesejahteraan keluarga secara keseluruhan (lihat Jadual 13.2). Hal ini bererti kesejahteraan keluarga secara keseluruhan yang positif dipengaruhi oleh kepuasan dengan situasi ekonomi, hubungan kekeluargaan, kesihatan dan keselamatan, budaya berserta aktiviti keagamaan/kerohanian keluarga, komuniti, serta perumahan dan

persekitaran. Kesemua indikator ini menyumbang 58.2 peratus dalam varians kesejahteraan keluarga secara keseluruhan.

Jadual 13.2 Ramalan kepuasan kesejahteraan keluarga secara keseluruhan.

Indikator Domain Kesejahteraan	R ²	U Beta	Beta	t	p
1. Kepuasan ekonomi.		.183	.254	13.33	.0001
2. Kepuasan hubungan keluarga.		.229	.252	12.30	.0001
3. Kepuasan terhadap kesihatan dan keselamatan.		.110	.138	5.88	.0001
4. Kepuasan terhadap budaya, agama/kerohanian.		.069	.093	4.22	.0001
5. Kepuasan terhadap hubungan komuniti.		.062	.085	3.85	.0001
6. Kepuasan terhadap perumahan dan persekitaran.		.036	.058	3.32	.001
	.582				

PERKIRAAN INDEKS

Kajian oleh penulis menunjukkan indikator dalam setiap domain berkait rapat dengan kepuasan keseluruhan dalam domain tersebut. Maka, dalam pembinaan Indeks Kesejahteraan Keluarga, hanya skor kepuasan keseluruhan dalam setiap enam domain digunakan.

Kajian lepas mencadangkan dua cara bagi menentukan pemberat/imbangan yang diberikan kepada setiap domain kesejahteraan bagi menghasilkan satu indeks komposit

kesejahteraan³; strategi pemberat/imbangan yang sama (*equal weightage*) atau strategi pemberat/imbangan yang berlainan (*unequal weightage*). Menurut Lands (2006), strategi pertama merupakan kaedah yang paling mudah dan jelas serta senang untuk direplikasikan oleh penyelidik yang lain. Cara ini juga digunakan apabila penyelidik tidak mempunyai justifikasi teori atau empirikal yang jelas mengenai kepentingan indikator yang ada. Oleh hal yang demikian, penggunaan strategi imbalan yang sama bagi setiap domain lebih mudah dipersetujui ramai. Cara ini telah dilakukan oleh Bradshaw, Hoelsher dan Richardson (2007) untuk menghasilkan Indeks Kesejahteraan Kanak-kanak (*Child Well-Being Index*), juga oleh Cummins (2006) untuk menghasilkan Indeks Kesejahteraan Kendiri (*Personal Well-Being Index*) dan Indeks Kesejahteraan Perpaduan Australia atau *Australian Unity Well-being Index* (Cummins, Eckersley, Pallant, Van Vugt dan Misajon, 2003). Cara ini juga telah digunakan untuk membina Indeks Kualiti Hidup Malaysia (2004) dan Indeks Belia Malaysia (2008). Maka, kajian yang dilakukan oleh penulis mengambil pendekatan yang sama dalam membina Indeks Kesejahteraan Keluarga. Sebaliknya, strategi yang kedua jarang-jarang digunakan.

Kiraan skor Indeks Kesejahteraan Keluarga adalah seperti yang berikut:

(Situasi Ekonomi) + (Hubungan Kekeluargaan) + (Kesihatan dan Keselamatan) + (Budaya dan Agama/Kerohanian) + (Hubungan Komuniti) + (Perumahan dan Persekitaran)

Indeks ini menggunakan skala respons Likert 11-mata (0 = "langsung tidak berpuas hati" hingga 10 = "sangat berpuas

3 Contohnya, kajian oleh Zill (2006).


hati"), iaitu semakin tinggi skor indeks semakin tinggi tahap kesejahteraan keluarga.

1. Hasil Perkiraan Indeks

Analisis yang dilakukan menunjukkan bahawa keluarga Malaysia mempunyai kesejahteraan yang agak tinggi, dengan min 7.89 ($SD = 1.24$). Skor ini agak sama dengan yang dilaporkan oleh Indeks Kualiti Hidup (*The Economist Intelligence Unit Quality of Life Index*, 2005), bagi negara Malaysia dengan min 6.608 bersandarkan skala respons 10-mata (1-10). Kedudukan Malaysia adalah di tangga ke-36 daripada 111 buah negara. Walau bagaimanapun, Indeks Kualiti Hidup ini menggunakan indikator yang lebih luas daripada yang dilihat dalam kajian oleh penulis (domain kesihatan, kehidupan keluarga, kehidupan komuniti, kesejahteraan material, keselamatan dan kestabilan politik, geografi dan iklim, jaminan pekerjaan, kebebasan politik dan kesaksamaan jantina).

Penulis juga menggunakan satu item untuk mengukur kebahagiaan keluarga secara keseluruhan dan skor pada respons Likert 11-mata (0-10) ialah 8.14 ($SD = 1.46$), lebih tinggi daripada skor Indeks Kesejahteraan Keluarga yang diperoleh. Dapatan kajian oleh penulis ini munasabah kerana kebahagiaan boleh dilihat sebagai satu komponen kesejahteraan keluarga sahaja (Diener *et al.*, 1999). Skor kebahagiaan yang diperoleh dalam kajian ini juga selaras dengan hasil kajian *Asian Barometers* (Blanchflower, 2008) yang menggunakan respons format 5-mata (1 = "sangat tidak bahagia" kepada 5 = "sangat bahagia") yang mendapati skor bagi Malaysia ialah 3.93, antara 13 negara di Asia bagi tahun 2003 dan 2004. Keadaan ini secara tidak langsung

memberikan sokongan kepada indeks yang dibina. Rajah 13.8 menunjukkan perbandingan antara Indeks Kesejahteraan Keluarga yang dihasilkan oleh penulis dengan kajian yang lepas.



Rajah 13.8 Perbandingan Kesejahteraan Keluarga.

2. Perbezaan Indeks

Seterusnya, perkiraan dilakukan untuk menentukan jika terdapat perbezaan indeks mengikut kawasan (Semenanjung dan Sabah/Sarawak), lokaliti (bandar dan luar bandar), ahli keluarga (ibu bapa dan anak-anak), ibu dan bapa, etnik (Bumiputera, Cina dan India), dan juga negeri (14 buah).

Hasil kajian tidak menunjukkan perbezaan antara keluarga di bandar dengan keluarga di luar bandar, antara ibu dengan bapa, dan antara kumpulan etnik dalam skor indeks. Tetapi, perbezaan didapati antara ibu bapa dengan anak-anak serta antara keluarga di Semenanjung Malaysia dengan keluarga di Sabah dan Sarawak, yang menunjukkan skor yang lebih tinggi didapati oleh ibu bapa dan keluarga di Sabah dan Sarawak.

Ibu bapa ($M = 7.88$, $SD = 1.41$) didapati melaporkan kesejahteraan keluarga yang lebih tinggi berbanding dengan anak-anak ($M = 6.58$, $SD = 1.22$, $t = 55.23$, $p < .0001$).

Analisis yang lebih terperinci menunjukkan ibu bapa melaporkan bahawa mereka paling berpuas hati dengan aspek hubungan kekeluargaan tetapi mereka paling tidak berpuas hati dengan domain perumahan dan persekitaran. Anak-anak pula melaporkan mereka paling berpuas hati dengan hubungan kekeluargaan dan paling tidak berpuas hati dengan aspek kesihatan dan keselamatan.

Keluarga di Sabah dan Sarawak ($M = 8.08$, $SD = 1.35$) melaporkan kesejahteraan yang lebih tinggi berbanding dengan keluarga di Semenanjung Malaysia ($M = 7.84$, $SD = 1.21$, $t = -4.23$, $p < .0001$). Analisis yang lebih terperinci menunjukkan keluarga di Sabah dan Sarawak paling berpuas hati dengan aspek hubungan kekeluargaan dan paling tidak berpuas hati dengan aspek ekonomi dan perumahan dan persekitaran. Keluarga di Semenanjung Malaysia pula, secara konsisten, melaporkan ketidakpuasan terhadap aspek perumahan dan persekitaran serta situasi ekonomi.

Perbandingan indeks mengikut negeri menunjukkan keluarga di Malaysia yang melaporkan kesejahteraan yang paling tinggi ialah keluarga dari negeri Kedah ($M = 8.34$), diikuti pula oleh keluarga dari negeri Melaka ($M = 8.26$) dan Johor ($M =$

8.20). Keluarga dari negeri Perlis melaporkan kesejahteraan yang paling rendah ($M = 6.74$), diikuti oleh keluarga dari Pulau Pinang ($M = 7.35$), Selangor ($M = 7.52$) dan Perak ($M = 7.68$). Walau bagaimanapun, skor indeks bagi negeri Perlis boleh dipersoalkan kerana saiz sampelnya yang kecil ($N = 24$ buah isi rumah sahaja; lihat Jadual 13.3).

Jadual 13.3 Kedudukan Indeks Kesejahteraan Keluarga mengikut negeri.

Negeri	N	M	SD	Minimum	Maksimum
Kedah	204	8.34	1.14	2.08	10.00
Melaka	78	8.26	0.85	5.45	9.88
Johor	332	8.20	0.89	4.75	9.75
Terengganu	109	8.13	0.94	4.83	9.75
Sarawak	248	8.10	1.26	1.88	10.00
Sabah	322	8.07	1.41	3.44	10.00
Negeri Sembilan	108	7.94	1.20	4.65	10.00
Pahang	152	7.94	1.40	2.00	10.00
Kelantan	171	7.79	0.96	5.25	10.00
WP KL	179	7.75	1.26	1.00	10.00
Perak	235	7.68	1.10	4.58	9.92
Selangor	489	7.52	1.33	2.60	10.00
Pulau Pinang	157	7.35	1.45	3.85	10.00
Perlis	24	6.74	0.43	5.90	7.48
JUMLAH	2808	7.89	1.24	1.00	10.00

Analisis yang lebih mendalam ke atas keluarga di negeri-negeri yang mempunyai indeks yang tinggi menunjukkan mereka berpuas hati dengan hubungan kekeluargaan, budaya dan keagamaan/kerohanian, dan hubungan komuniti. Manakala

keluarga di negeri-negeri yang nilai indeksinya rendah, melaporkan secara konsisten, ketidakpuasan mereka terhadap aspek perumahan dan persekitaran serta situasi ekonomi keluarga. Hal ini menarik kerana negeri-negeri tersebut adalah antara negeri yang lebih maju di Malaysia. Dapat dirumuskan bahawa skor min Indeks Kesejahteraan Keluarga yang dibina tidak banyak berbeza daripada indeks yang telah digunakan. Walau bagaimanapun, indeks yang dihasilkan dalam kajian penulis ini lebih bermakna kerana dibina khas dengan mengambil kira konteks tempatan dan keluarga di Malaysia.

Domain dan Indikator Kesejahteraan Keluarga

Kajian yang dilakukan oleh penulis ini mengambil pendekatan kualiti hidup, iaitu kebanyakan indikator yang digunakan adalah berbentuk persepsi ahli keluarga, yang agak subjektif. Menurut Land (1999), indikator seperti ini bertujuan untuk menentukan realiti subjektif dalam kehidupan seseorang berdasarkan kepercayaan bahawa pemantauan langsung keadaan psikologi-sosial individu adalah perlu bagi memahami perubahan sosial dan impak ke atas kesejahteraan individu (dan seterusnya keluarga). Walaupun hubungan langsung antara keadaan objektif dan subjektif boleh dipertikaikan, persepsi subjektif individu adalah penting dalam keadaan seperti ini kerana persepsi dapat menggambarkan apa yang dianggap penting oleh individu tersebut berdasarkan pengalamannya sendiri. Dengan yang demikian, indikator subjektif seperti yang dilakukan oleh penulis lebih bermakna kepada individu (Diener, Lucas dan Scollon, 2006). Penggunaan indikator subjektif ini juga berguna bagi melengkapkan indikator objektif.

Bagi penulis, kesejahteraan keluarga dilihat sebagai satu

konsep yang pelbagai dimensi, yang meliputi enam domain, iaitu hubungan kekeluargaan, ekonomi, kesihatan dan keselamatan, hubungan komuniti, budaya dan agama/kerohanian, serta perumahan dan persekitaran, dengan indikator yang relevan berdasarkan teori, perbincangan kumpulan fokus dan hasil kajian. Domain dan indikator kemudiannya diuji kaji dan hasil uji kaji diperhalusi supaya dalam kajian utama, indikator yang digunakan adalah sah dan boleh dipercayai. Oleh itu, kajian boleh dianggap meliputi kedua-dua pendekatan *top-down* and *bottom-up*, dan dapat menggambarkan keadaan sebenar kesejahteraan keluarga di Malaysia.

Perlu ditekankan semula bahawa kesemua domain yang dikenal pasti adalah saling berkait. Ahli keluarga tinggal bersama-sama dengan ahli yang lain dalam konteks komuniti dan masyarakat yang lebih luas. Kesemua konteks ini saling berkait dan bergantung antara satu sama lain. Konteks ini juga berada dalam persekitaran sosial, ekonomi, budaya dan politik yang lebih luas, dan perubahan dalam satu konteks berupaya untuk mempengaruhi perubahan dalam konteks lain. Pengaruh antara konteks adalah penting kerana satu konteks boleh meningkatkan atau menghadkan peluang sesebuah keluarga dan ahli-ahlinya. Dengan yang demikian, satu indikator sahaja tidak boleh menggambarkan keadaan kesejahteraan keluarga.

Penulis mendapati beberapa indikator utama yang dapat meramalkan kesejahteraan keluarga, iaitu resiliensi, menabung keselamatan, masa bersama, gaya hidup sihat, danimbangan kerja dan keluarga. Semua indikator ini merangkumi tiga domain yang berlainan, iaitu hubungan kekeluargaan, ekonomi, dan kesihatan dan keselamatan, yang secara langsung menyokong hubung kait antara indikator dengan domain kesejahteraan

keluarga. Oleh itu, kesejahteraan keluarga bukan hanya bergantung kepada hubungan kekeluargaan semata-mata, tetapi juga kepada situasi ekonomi serta kesihatan dan keselamatan.

Set indikator yang dibina mampu melihat apa yang berlaku dalam keluarga. Maka, indikator boleh digunakan untuk melaporkan tahap kesejahteraan keluarga semasa dan pada masa akan datang. Di samping itu, indikator juga mampu membuat ramalan tentang perubahan yang mungkin dialami keluarga berdasarkan perubahan semasa.

Indeks Kesejahteraan Keluarga

Indeks Kesejahteraan Keluarga bertujuan untuk meringkaskan indikator daripada enam domain yang telah dikenal pasti ke dalam satu ukuran untuk melihat dan seterusnya mengukur perubahan atau pencapaian keluarga dari semasa ke masa. Kajian oleh penulis menunjukkan Indeks Kesejahteraan Keluarga ini mempunyai min 7.89 ($SD = 1.24$) pada skala 0-10, yang bermaksud kesejahteraan keluarga Malaysia adalah agak tinggi. Perbandingan dengan indeks lain yang serupa menunjukkan bahawa skor Indeks Kesejahteraan Keluarga yang dibina adalah sah dan boleh diguna pakai.

Perbezaan yang didapati dalam skor indeks mengikut kawasan dan negeri menunjukkan bahawa domain yang paling banyak keluarga tidak berpuas hati ialah domain situasi ekonomi serta perumahan dan persekitaran. Penemuan ini disokong oleh perbandingan seterusnya yang dibuat antara nilai Indeks Kesejahteraan Keluarga dan enam domain Kesejahteraan Keluarga yang sekali lagi mendapati domain Ekonomi dan domain Perumahan dan Persekitaran mempunyai nilai peratus yang lebih rendah daripada nilai indeks. Seperti yang terdapat dalam

kajian lepas, situasi ekonomi memainkan peranan utama dalam kehidupan kesejahteraan keluarga. Tanpa ekonomi yang stabil dan memuaskan, kesejahteraan keluarga tidak dapat dinikmati. Dapat dilihat juga bahawa domain lain amat bergantung pada situasi ekonomi. Walaupun keluarga secara umum paling berpuas hati dengan domain hubungan kekeluargaan, terdapat beberapa aspek dalam domain ini yang boleh ditingkatkan lagi.

Satu kekangan utama yang dihadapi oleh penulis ialah bilangan dan jenis indikator yang digunakan dalam setiap domain kesejahteraan. Sebagai contoh, dalam domain terdapat beberapa indikator yang digunakan untuk menilai hubungan kekeluargaan, tetapi dalam domain lain, hanya satu indikator sahaja yang digunakan (yang mempunyai kesan langsung ke atas Indeks). Oleh hal yang demikian, kajian pada masa depan amat diperlukan untuk mengenal pasti indikator yang lebih baik dalam domain-domain ini.

KESIMPULAN

Melalui kajian yang dilakukan, penulis berhasrat membentuk satu set indikator bagi mengukur dan melaporkan kesejahteraan keluarga di Malaysia, dan seterusnya menghasilkan satu Indeks Kesejahteraan Keluarga. Berdasarkan penemuan yang diperolehi, penulis mendapati indikator yang dibina dapat memberikan gambaran semasa mengenai status kesejahteraan keluarga Malaysia. Enam indikator utama yang dapat meramalkan kesejahteraan keluarga ialah resiliensi, penabungan, keselamatan, masa bersama, gaya hidup sihat sertaimbangan kerja dan keluarga yang secara langsung, menyokong bahawa kesejahteraan keluarga adalah bersifat pelbagai dimensi dan saling berkait.

Indeks Kesejahteraan Keluarga yang dihasilkan telah menggunakan pendekatan pemberian imbalan yang sama kepada setiap enam domain kesejahteraan keluarga. Indeks ini mampu menunjukkan bahawa kesejahteraan keluarga di Malaysia pada masa kini adalah agak tinggi. Namun, terdapat beberapa aspek kehidupan keluarga yang mungkin memberikan impak negatif terhadap kesejahteraan keluarga, terutamanya situasi ekonomi keluarga serta perumahan dan persekitaran. Dapat dilihat bahawa kesejahteraan keluarga bukanlah masalah satu pihak sahaja tetapi perlu ada usaha daripada pelbagai agensi (kerajaan dan bukan kerajaan) untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan, seperti pendapatan yang mencukupi untuk menampung keperluan keluarga semasa serta perumahan asas yang dapat memenuhi tuntutan taraf hidup yang minimum, terutamanya di negeri-negeri yang lebih maju. Pada masa ini, indeks yang dihasilkan hanya merupakan satu nilai mengenai keadaan kesejahteraan keluarga sahaja, dan hanya berguna sekiranya digunakan pada masa-masa akan datang dengan membuat perbandingan dengan keadaan pada masa itu bagi melihat perubahan dalam kesejahteraan keluarga.

Masalah sosial yang mungkin berpunca daripada persekitaran rumah (contohnya, ruang di dalam rumah, jenis kejuruan dan kemudahan yang tersedia dalam kawasan perumahan, dan lain-lain) dapat menggambarkan situasi ekonomi keluarga. Kesulitan ekonomi atau kemiskinan bukanlah setakat berpendapatan rendah ataupun penggunaan keperluan hidup yang rendah kerana isu ini juga merangkumi aspek bukan kewangan seperti penyisihan sosial, pengaruh ikatan sosial dan peluang serta pilihan yang terhad. Selain daripada taraf hidup yang minimum, kemudahan asas dalam kawasan perumahan harus disediakan dan senang diakses oleh semua keluarga.

RUJUKAN

- Baumrind, D., 1991. "The Influence of Parenting Style on Adolescent Competence and Substance Use" dlm. *Journal of Early Adolescence* 11, hlm. 56-95, 1991.
- "European System of Social Indicators. Mannheim: Centre for Survey Research and Methodology (ZUMA), Social Indicators Department" dlm. http://www.gesis.org/fileadmin/upload/dienstleistung/daten/soz_indikatoren/eusi/paper1.pdf. Diakses pada 18 Mei 2010.
- Blanchflower, D. G., 2008. "International Evidence on Well-Being" dlm. <http://ftp.iza.org/dp3354.pdf>. Diakses pada 8 Disember 2011.
- Bradshaw, J., Hoelscher, P. dan Richardson, D., 2007. "An Index of Child Well-Being in the European Union" dlm. *Social Indicators Research* 80, hlm. 133-177, 2007.
- Cummins, R.A., 2006. "Australian Unity Wellbeing Index: Report 14.1-Fifth anniversary Special report-Summarising the Major Findings. Melbourne: Australian Centre on Quality of Life, School of Psychology, Deakin University" dlm. <http://www.deakin.edu.au/research/acqol/auwbi/survey-reports/index.php>. Diakses pada 1 Oktober 2011.
- Cummins, R. A., Eckersley, R., Pallant, J., van Vugt, J. V. dan Misajon, R., 2003. "Developing a National Index of Subjective Well-being: The Australian Unity Well-being Index" dlm. *Social Indicators Research* 64, hlm. 159-190, 2003.
- Diener, E., Lucas, R. E. dan Scollon, C. N., 2006. "Beyond the Hedonic Treadmill: Revisions to the Adaptation Theory of Well-being" dlm. *American Psychologist* 61, hlm. 305-314, 2006.

- Diener, E., Suh, M., Lucas, E. dan Smith, H., 1999. "Subjective Well-being: Three Decades of Progress" dlm. *Psychological Bulletin* 125, hlm. 276-302, 1999.
- Disney, J., 2006. "Over Our Heads: Housing Costs & Australian Families" dlm. *Australian Quarterly* 78, hlm. 4-11, 2006.
- Eckersley, R., 2000. "The Mixed Blessings of Material Progress: Diminishing Returns in the Pursuit of Happiness" dlm. *Journal of Happiness Studies* 1, hlm. 267-292, 2000.
- Gallup-Healthways Well-Being Index, 2009. "Methodology Report for Indexes" dlm. <http://www.well-beingindex.org/files/Gallup-Healthways>. Diakses pada 25 Mei 2011.
- Goldberg, D., 1978. *Manual of the General Health Questionnaire*. Windsor, England: NFER Publishing.
- Haq, R., 2009. "Measuring Human Well-being in Pakistan: Objective versus Subjective Indicators" dlm. *European Journal of Social Science* 9, hlm. 517-532, 2009.
- Indeks Belia Malaysia, 2008. Diambil daripada http://www.ippbm.gov.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=183:ibmpengenalan&catid=12:index-belia-malaysia&lang=en. Diakses pada 18 Jun 2010.
- Indeks Kualiti Hidup Malaysia, 2004. Diambil daripada <http://unpan1.un.org/intradoc/groups/public/documents/apcity/unpan023805.pdf>. Diakses pada 31 Mei 2010.
- Jabatan Statistik, Malaysia, 2011. "Population and Vital Statistics" dlm. http://www.statistics.gov.my/portal/download_Buletin_Bulanan/files/BPBM/2011/OGO/05_Population.pdf. Diakses pada 8 Oktober 2011.
- Kietzmann, J. H., Hermkens, K., McCarthy, I. P. dan Silvestre, B. S., 2011. "Social Media? Get Serious! Understanding the Functional Building Blocks of

- "Social Media" dlm. *Business Horizons* 54, hlm. 241-251, 2011.
- Kojima, S., 2005. "How Can We Survive Between Safety and Risk: An Elucidation of Appropriate Definition". Kertas Kerja Asian-Pacific Conference on Risk Management and Safety. Jepun, Hong Kong, 2005.
- Kumpfer, K. L., Whiteside, H. O., Greene, J. A. dan Allen, K. C., 2010. "Effectiveness Outcomes of Four Age Versions of the Strengthening Families Program in Statewide Field Sites" dlm. *Group Dynamics: Theory, Research, and Practice* 14, hlm. 211-229, 2010.
- Land, E., 1999. "Social Indicators" dlm. E. F. Borgatta dan R. V. Montgomery (eds.), *Encyclopedia of sociology*. Revised Edition. New York: MacMillan.
- Land, K. C., 2006. *The Foundation for Child Development: Child and Youth Well-Being Index (CWI), 1975-2004, with Projections for 2005*. Durham, NC: Duke University.
- Silburn, S., Zubrick, S., De Maio, J., Shepherd, C., Griffin, J. dan Mitrou, F. et al., 2006. *The Western Australian Aboriginal Child Health Survey: Strengthening the Capacity of Aboriginal Children, Families and Communities*. Perth: Curtin University of Technology and Telethon Institute for Child Health Research.
- Symth, R., Nielsen, I. dan Zhai, Q., 2009. "Personal Well-Being in Urban China" dlm. *Social Indicators Research* 95, hlm. 231-251, 2009.
- The Economist Intelligence Unit Quality of Life Index, 2005. Diambil daripada http://www.economist.com/media/pdf/QUALITY_OF_LIFE.pdf. Diakses pada 5 Disember 2011.
- World Health Organization, 2011. "Mental Health

- "Strengthening our Response" Diambil daripada <http://www.who.int/mediacentre/factsheets/fs220/en>. Diakses pada 1 Disember 2011.
- Yiengprugsawan, V., Seubsman, S., Khamman, S., Lim, L. L. Y. dan Sleight, A. C., 2009. "Personal Well-Being Index in a National Cohort of 87,134 Thai Adults" dlm. *Social Indicators Research*, 2009
- Zill, N., 2006. "Are all Indicators Created Equal? Alternatives to an Equal Weighting Strategy in the Construction of a Composite Index of Child Well-being". Diambil daripada <http://fcd-us.org/sites/default/files/AreAllIndicatorsCreatedEqual.pdf>. Diakses pada 3 Oktober 2011.
- Zubrick, S., Williams, A., Silburn, S. dan Vimpani, G., 2000. *Indicators of Social and Family Functioning*. Canberra: Department of Family and Community Services.